

RITUAL PENYEMBUHAN PENYAKIT DALAM MAIN PETERI DI KAMPUNG PALOH, KELANTAN

KHAIRUL BARIYYAH BINTI MUSTAFA
University Sains Malaysia
khairulbariyyahmustafa@gmail.com

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan menyelidiki amalan ritual penyembuhan tradisional Main Peteri dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan yang masih lagi diamalkan sehingga ke hari ini, walaupun telah lama diharamkan oleh kerajaan Kelantan dalam Enekmn Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998. Hal ini kerana Main Peteri mengandungi elemen-elemen Hindu-Buddha yang dicampur dengan unsur animisme dan pengaruh agama Islam. Amalan ini masih diamalkan namun pengamalannya dilihat berkurangan. Oleh itu, penyelidikan ini penting untuk mendokumentasi Main Peteri sebagai ritual penyembuhan tradisional masyarakat Melayu Kelantan, mengenal pasti ritual berubat dalam Main Pateri sebagai penjelasan personalistik/ghaib yang dikaitkan dengan angin dan semangat yang membawa sakit demam. Penyelidikan ini menggunakan kaedah penyelidikan lapangan dengan mengaplikasikan kutipan data melalui pemerhatian ikut serta, temu bual, analisis dokumen dan laporan. Hasil penyelidikan didokumentasi di Kampung Paloh, Kelantan dengan sakit demam dikategorikan sebagai faktor personalistik/ghaib iaitu berpunca daripada angin yang ada dalam diri para pesakit.

Kata Kunci: Ritual; Main Peteri; sakit demam; semangat; syirik

HEALING RITUAL IN MAIN PETERI AT KAMPUNG PALOH, KELANTAN

ABSTRACT

The article looks into the ritual of traditional healing practices, Main Peteri, among Kelantan Malay society that still use and practice until today even it is banned by the state government in Entertainment Control and Places of Entertainment Enactment (1998) (KECE 1998). These is because the ritual consists the elements of Hindu-Buddha, mixed with animism and influence of Islam. The ritual is still practice during this time even in lesser number. This research is important for documenting Main Peteri as a traditional healing ritual for Kelantan Malay society, identify the healing ritual in Main Peteri as the explanation to personalistic/unseen explanation that relates to wind and spirit which lead to diseases. The research used field work research method with participant observation investigation, interviews, documents and report analysis. The results from the documentation of Main Peteri in Kampung Paloh, Kelantan shows the diseases are classified as personalistic/unseen that results from the wind in the body of the patient

Keywords: Ritual; Main Peteri; disease; spirit; wind

PENGENALAN

Amalan ritual penyembuhan tradisional masyarakat Melayu Kelantan pada masa ini masih lagi diguna pakai dan diamalkan sehingga ke hari ini. Walaupun terdapat sesetengah ritual yang berunsurkan tahyul, syirik, dan animistik diharamkan oleh Kerajaan Kelantan pada tahun 1991, namun amalan penyembuhan tradisional ini masih lagi wujud di kawasan bandar mahupun di luar bandar. Ritual penyembuhan tradisional ini dipengaruhi oleh elemen-elemen Hindu yang kemudiannya unsur-unsur itu diambil dan digunakan dalam amalan penyembuhan masyarakat Melayu dengan campuran dan pengaruh agama Islam dan animisme. Selari dengan perubahan zaman, amalan penyembuhan ini berubah dari segi konsep dan isi amalan itu sendiri. Jampi dan mantera yang mempunyai unsur pemujaan jin, iblis, dan makhluk ghaib ditukar kepada ayat-ayat suci Al-Quran dan pujian serta selawat terhadap Nabi Muhammad S.A.W.

Makalah ini memfokuskan ritual penyembuhan tradisional Main Peteri sebagai ritual penyembuhan tradisional masyarakat Kelantan yang mengubati sakit berangin dan lemah semangat seseorang pesakit. Main Peteri merupakan sebuah *medico-theatrical ritual* iaitu persembahan ibarat sebuah drama yang berhubung kait dengan tujuan perubatan untuk mengubati kekusutan jiwa atau penyakit psikosomatik (Azlina & Yusmilayati, 2011). Laderman melihat Main Peteri sebagai genre penyembuhan bagi masyarakat Kelantan untuk mengubati sakit tekanan jiwa dan gangguan mental yang lain melalui watak-watak dalam penceritaan Main Peteri (Laderman, 1991). Main Peteri melibatkan pemuzik dan pelakon dipanggil ke suatu tempat yang ada seseorang yang sakit (Hardwick, 2009).

Main Peteri merupakan ritual penyembuhan di kampung-kampung rakyat (*folk style*), berbeza daripada Mak Yong yang merupakan ritual penyembuhan dan hiburan yang melibatkan golongan pemerintah iaitu istana. Zahari membahagikan Main Peteri kepada dua jenis iaitu Main Peteri Biasa dan Main Peteri Mak Yong (Zahari, 1982). Perkara yang membezakan antara kedua-dua jenis ini adalah hanya bunyian pada alat-alat muziknya sahaja. Zahari melihat bahawa jenis yang pertama iaitu Main Peteri Biasa digunakan untuk mengubat orang sakit yang disebabkan oleh kuasa-kuasa ghaib. Manakala jenis yang kedua, adalah untuk upacara bersemah, puja pantai, dan kadangkala untuk mengubati orang sakit (Daud, 1982).

RITUAL BERUBAT DALAM MAIN PETERI

Persembahan Main Peteri melibatkan ritual perubatan yang disebut sebagai berubat. Mohd Taib Osman, melihat perubatan tradisional sebagai unik, tidak tertulis tetapi dirakam prosesnya dalam ingatan bomoh yang terlibat (Mohd Taib Osman, 1992). Ritual bagi Roy A. Rappaport adalah satu struktur yang mempunyai ciri-ciri tersendiri (Roy A. Rappaport, 1992) Amalan demikian wujud dalam ritual Main Peteri. Berdasarkan pengamatan kajian persembahan ini, ritual diadakan pada waktu malam dan dimulai setelah selesai persembahan peringkat pertama iaitu melibatkan nyanyian, muzik dan tarian. Ritual ini bukanlah sesuatu yang dipamerkan untuk keseronokan tetapi juga berfungsi untuk menunjukkan rasa hormat kepada roh ghaib. Hal ini bertepatan dengan Mohd Taib Osman yang menyatakan bahawa ritual and persembahan adalah tingkah laku yang melibatkan simbolik dan ekspresif serta mempunyai tujuan yang spesifik. (Mohd Taib Osman, 1989).

Oleh itu, kedudukan ritual dalam Main Peteri sangat penting kerana ia adalah satu cara simbolik untuk menunjukkan rasa hormat kepada roh ghaib atau roh nenek moyang. Ritual ini bukanlah sekadar aksi untuk dipersembahkan tetapi mempunyai maksud simbolik sebagai medium untuk berkomunikasi dengan roh ghaib. Perkara ini selari dengan pandangan informan bahawa ritual ini menjadi medan penghubung dengan roh ghaib yang dianggap sebagai

pelindung kepada masyarakat serta dipercayai roh atau makhluk ghaib ini akan datang dan merawat pesakit-pesakit yang terlibat dalam ritual Main Peteri. Aksi simbolik juga dapat dilihat semasa proses memulakan ritual Main Peteri, pemain Main Peteri akan mengasap kemenyan pada alat muzik mereka sebelum memulakan ritual. Proses ini adalah sebagai simbolik memohon perlindungan daripada sebarang "gangguan" ketika ritual dijalankan.

Selain itu, amalan berjamu juga diamalkan dalam ritual Main Peteri, apabila pemain Main Peteri menghidangkan pulut kuning/pulut semangat, ayam panggang, satu sikat pisang emas, dua sikat pisang jelai, pelbagai jenis biskut, bepang, agar-agar, dan dodol. Perkara ini selaras dengan pandangan Walter William Skeat (1965) yang melihat amalan berjamu adalah perkara utama yang digunakan untuk menunjukkan hormat kepada keramat atau roh ghaib bukanlah sebagai satu penyembahan. Oleh hal demikian, ritual atau dipanggil berubat dalam Main Peteri ini merupakan bahagian persembahan yang penting kepada pemain dan pesakit dalam Main Peteri.

Kedudukan ritual berubat dalam Main Peteri bertepatan dengan sistem etnoperubatan personalistik Foster (1976) yang menjelaskan domain melibatkan interaksi sosial di mana melibatkan hubungan sosial manusia, dan entiti-entiti. Perasaan iri hati, dendam, buatan orang, sihir, saka, dan santau merupakan contoh sakit demam yang melibatkan entiti yang mempunyai kuasa luar biasa. Dalam merawat pesakit yang menghadapi penyakit yang berpunca daripada kuasa luar biasa ini, bomoh, pawang, dan ritual-ritual tertentu perlu diadakan bagi memujuk hantu, jin, dan entiti tertentu untuk keluar daripada badan pesakit. Dalam pada itu, George Murdock (1980) turut mempunyai idea yang sama dengan Foster berkenaan dengan sebab-musabab ghaib yang melibatkan mistik, animistik, dan magis iaitu gangguan kesihatan dijelaskan atau berpunca daripada kuasa luar biasa, tingkah laku kuasa ghaib seperti roh dan hantu, dan kesan perlakuan jahat manusia yang menggunakan magis untuk menganiaya manusia lain (buatan orang) (Murdock, 1980).


Oleh itu, daripada penjelasan personalistik Foster (1976) dan Murdock (1980), ritual berubat dalam Main Peteri mempunyai simbolik dan bersifat ekspresif bagi masyarakat untuk mengubati penyakit melalui roh ghaib. Ritual Main Peteri yang berstruktur dan mempunyai ciri "berjamu" dan "menurun" menunjukkan manifestasi yang jelas akan hadirnya roh ghaib dalam ritual ini.

Persembahan Ritual Main Peteri di Kampung Paloh, Pasir Mas, Kelantan

Main Peteri telah diadakan di Kampung Paloh, Pasir Mas, Kelantan pada hari Jumaat, 20 April 2018. Main Peteri diadakan pada waktu malam selepas solat Isyak iaitu lebih kurang pukul 9 atau 10 malam dan berakhir sekitar tiga hingga empat pagi hari. Fokus untuk penyelidikan ini adalah menyelidik ritual penyembuhan Main Peteri dalam menyembuhkan sakit demam. Ritual penyembuhan Main Peteri ini dilakukan di halaman rumah informan sendiri dengan disaksikan oleh penduduk kampung. Dua orang Tok Peteri hadir untuk ritual penyembuhan ini di mana tugas mereka bergilir-gilir dan seiring antara satu sama lain.

Main Peteri di Kampung Paloh ini diadakan di halaman rumah informan yang juga salah seorang pesakit yang dirawat. Khemah kanopi disewa oleh keluarga informan sebagai bangsal, dan lantai tanah diletakkan tikar untuk tujuan persembahan. Sebatang buluh panjang dan sebatang kayu diikat hampir-hampir mengelilingi khemah kecuali pada bahagian pintu masuk khemah dan kawasan kedudukan balai sebagai tempat menyandar agar Tok Mindok dan panjak berada dalam keadaan selesa. Kedudukan Tok Peteri adalah bertentangan dengan Tok Mindok, iaitu Tok Mindok menghadap ke arah Barat dan Tok Peteri ke arah Timur, atau dalam bahasa dialek tempatan dalam keadaan kedudukan '*senaik jatuh*' (Timur-Barat). Sebiji bantal diletakkan di hadapan Tok Mindok dan Tok Peteri sebagai sempadan antara keduanya. Selain

itu, bantal ini juga digunakan oleh Tok Peteri untuk menilik punca sakit demam yang menimpa pesakit menggunakan bertih.



Petuniuk:

1. Balai
2. Panjak
3. Sangkak
4. Gegantung
5. Alatan perjamuan dalam dulang hantaran.
6. Tok Peteri
7. Tok Mindok
8. Nasi Guru
9. Air Mandi Limau
10. Langit-langit

RAJAH 1. Kedudukan di bawah khemah semasa ritual penyembuhan Main Peteri di Kampung Paloh, Kelantan (Pemerhatian penyelidik pada Jumaat 20 April 2018)

Seterusnya, pembinaan balai sebagai tempat meletakkan perjamuan adalah penting untuk upacara menghantar balai. Balai dibina menggunakan daun nipah sagu, daun kelapa muda, buluh, diikat dengan tali rafia. Daun kelapa yang muda dibentuk dengan bentuk belalang, dan ketupat serta digantung di tepi balai. Bahagian tepi balai dihias dengan daun kelapa yang muda dilipat berbucu segitiga. Lipatan ini dipaku menggunakan paku tekan pada batang daun sagu agar letak duduk lipatan adalah kekal. Selain balai, sangkak ayam juga dibuat bagi meletakkan kelapa muda. Terdapat satu lagi gantungan yang digantung bersama sangkak ayam berisi bahan dan alatan yang sama dengan perjamuan di atas balai juga digantung di sebelah kanan balai. Balai pula terdiri daripada binaan kerangka bangsal kecil yang mempunyai atap dan tangga dan didirikan atau diikat di atas kayu pelepah sagu beralaskan permukaan kayu buluh yang dipotong memanjang. Bentuk balai adalah seperti bentuk rumah yang dibuat daripada kayu pelepah sagu. Permukaan balai dilapik dengan daun pisang bagi meletakkan alatan perjamuan. Alatan perjamuan terdiri daripada tepung gandum yang dibentuk dengan bentuk-bentuk haiwan seperti gajah, ular, harimau selain alatan dapur seperti lesung dan alu serta bentuk tengkorak. Selain itu, terdapat juga ketam, udang, beras, bertih jagung, dan alatan-alatan daripada talam guru yang ditabur diatas permukaan balai dan bentuk model perahu yang berasal daripada pelepah pokok pinang. Dalam penyediaan alatan perjamuan, Tok Peteri yang bertanggungjawab menyediakannya. Setiap alat perjamuan mestilah mencukupi, sekiranya tidak mencukupi ritual penyembuhan ini tidak berjaya.

Langit-langit juga digantung di bawah khemah kanopi dan diikat dengan empat penjuru. Warna kain langit-langit yang dipasang adalah kuning dan digantung memanjang di tengah-

tengah balai mengikut kedudukan Tok Mindok iaitu memanjang mengikut arah ‘*senaik jatuh*’. Kain langit-langit adalah berwarna kuning sebagai lambang tanda penghormatan kepada kuasa ghaib dan dengan harapan memujuk kuasa ghaib agar menyembuhkan sakit yang dideritai pesakit. Pada kain langit-langit, digantung keropok ikan berbentuk bulat sebesar tapak tangan yang berwarna warni, batang tebu yang dipotong kecil, tujuh jenis bunga, dan pisang emas. Langit-langit adalah penting bagi menghormati kuasa ghaib yang turun mengubati pesakit yang mempunyai sakit angin. Hal ini kerana, makhluk ghaib yang menjaga, membantu dan mengawasi upacara ini berada di atas langit-langit. Bahan-bahan yang digantung di langit melambangkan taman untuk menarik perhatian makhluk ghaib. Para pesakit duduk melunjurkan kaki di bawah langit-langit dan mengadap kepada panjak semasa ritual dijalankan.



RAJAH 2. Pemasangan kain langit-langit
(Pemerhatian penyelidik pada Jumaat 20 April 2018)



RAJAH 3. Balai dan gantungan
(Pemerhatian penyelidik pada Jumaat 20 April 2018)

Berkain pelikat dan memakai *t-shirt* biasa adalah pakaian ringkas pada malam Main Peteri di Kampung Paloh. Di bahagian pinggang Tok Peteri diikat dengan sehelai kain lepas berwarna putih untuk memperkemaskan ikatan kain pelikat atau dikenali dengan 'ikat bengkung'. Terdapat satu lagi kain lepas berwarna putih yang diselempangkan diatas bahu atau diikat di bahagian perut untuk kegunaan mengelap peluh. Pakaian Tok Mindok dan panjak yang lain adalah pakaian yang dipakai seharian, bergantung kepada pilihan dan keselesaan mereka. Antara alat perjamuan selain perjamuan di atas balai, sangkak ayam, dan gantungan, pihak Tok Peteri pula perlu menyediakan pulut kuning/pulut semangat, ayam panggang, satu sikat pisang emas, dua sikat pisang jelai berangan, pelbagai jenis biskut, bepang, agar-agar, dan dodol. Alat-alat ini disediakan di atas dulang hantaran.



RAJAH 4. Sebahagian alat untuk Talam Guru
(Pemerhatian penyelidik pada Jumaat 20 April 2018)

Alat-alat ini disediakan di atas dulang hantaran dan dilakukan oleh Tok Peteri bagi mengelakkan sakit yang menimpa pesakit terkena pada para pengunjung dan ahli keluarga yang lain sekiranya alatan perjamuan tersebut disediakan oleh tuan rumah atau keluarga pesakit. Menurut informan (temu bual dengan Hassan bin Abdullah, 20 April 2018), sekiranya alatan perjamuan yang perlu disediakan Tok Peteri sebaliknya disediakan tuan rumah, kemungkinan untuk sakit terkena kepada jiran dan ahli keluarga yang lain adalah tinggi.



RAJAH 5. Alatan perjamuan yang disediakan Tok Peteri
(Pemerhatian penyelidik pada Jumaat 20 April 2018)

Selain itu, talam guru perlu disediakan, antara barang-barang yang perlu ada dalam talam guru adalah secawan air manis, segelas air masak kosong, kelapa parut, gula melaka, sedikit pulut kuning, wang sebanyak RM 1.20, telur dadar, sirih dan bertih, rokok daun dengan tembakau, dan benang kapas. Namun, alatan dalam Talam Guru, perjamuan di atas balai adalah disediakan oleh tuan rumah dengan panduan daripada Tok Peteri. Berikut merupakan maklumat yang disampaikan informan-informan (temu bual dengan Hassan bin Abdullah, dan Rashid bin Abdullah, 20 April 2018).

“Muga alat dia duduk kat dia nga aye pangge nga sibo lah tak leh nak bile banyak”

Terjemahan: *“kerana alat dia duduk dengan dia dengan ayam panggang dengan semua lah tidak boleh hendak dikira banyak”*

“Dia alat dia tu, aye tok leh nak try, sibo lah tak leh nok try”

Terjemahan: *“dia alat dia itu, ayam tidak boleh dimakan, semualah tidak boleh hendak dicuba*

Baca kenduri merupakan upacara pertama yang dimulai dalam Main Peteri sebelum buka panggung. Dalam baca kenduri, Tok Peteri Tua menjampi bahan-bahan yang diletakkan dalam Talam Guru, kelapa muda, bertih, beras putih, semangkuk bedak yang dicampur air putih, ketulan bedak sejuk dan Nasi Guru. Sementara menjampi dengan mentera, talam yang mengandungi alatan perjamuan diperasapkan di atas bekas bara yang telah dimasukkan serbuk kemenyan. Bahan-bahan daripada Talam Guru diletakkan di atas balai untuk jamuan kepada roh ghaib yang menyebabkan sakit kepada pesakit. Pinggan Nasi Guru yang mengandungi satu pinggan pulut kuning, sebiji telur, dan beberapa helai daun sirih pinang akan digantung berhampiran Tok Minduk.



RAJAH 6. Baca Kenduri oleh Tok Peteri Tua
(Pemerhatian penyelidik pada Jumaat 20 April 2018)

Alat muzik rebab terlebih dahulu diperasapkan kemudian diikuti oleh alat muzik yang lain. Semasa memperasapkan rebab, Tok Peteri membalikkan bertih kepada rebab dan menggesekkan rebab sebagai memastikan alatan tersebut berfungsi. Hal ini juga dilakukan Tok Peteri Tua kepada alat muzik yang lain. Mantera juga dibaca sebagai meminta pertolongan daripada sheikh, keramat, dan aulia agar membantu ritual penyembuhan ini. Akhir sekali, Tok Peteri Tua membawa bekas bara yang dimasukkan serbuk kemenyan untuk memperasapkan langit-langit dan kemudian meletakkan bekas bara berhampiran dengan Tok Mindok. Ketika upacara Baca Kenduri, hanya alat muzik rebab sahaja yang dimainkan kecuali ketika upacara buka alat-alat muzik, dimana semua alat muzik tidak dimainkan.

Upacara buka panggung diadakan dengan bunyian muzik permulaan setelah selesainya upacara baca kenduri. Rebab dibunyikan terlebih dahulu kemudian diikuti dengan bunyi alat muzik yang lain dengan membawa lagu-lagu tertentu. Semasa buka panggung, Tok Peteri Tua membaca mantera sebagai tanda permulaan untuk alat-alat muzik memainkan lagu-lagu bertabuh untuk kali pertama. Pada ketika lagu bertabuh dimainkan, Tok Peteri Tua terus membaca mantera dan membalik bertih ke hadapan. Setelah itu, Tok Peteri mengambil tempat di sebelah kiri khemah bagi memberi peluang lagu-lagu buka panggung atau dikenali lagu bertabuh dimainkan oleh panjak-panjak Main Peteri. Lagu bertabuh dimainkan dengan pelbagai rentak mengikut angin pesakit, lagu bertabuh ini dimainkan sebelum pesakit masuk ke dalam khemah bagi mewujudkan suasana, perasaan dan menarik minat pesakit untuk menyertai Main Peteri apabila mendengarnya. Lagu bertabuh dimainkan selama 45 minit semasa ritual penyembuhan ini dilaksanakan di Kampung Paloh, Kelantan. Pada ketika itu hanya muzik daripada alat muzik dimainkan oleh panjak dan Tok Mindok. Pesakit masih lagi tidak dipanggil ke bawah khemah manakala Tok Peteri Muda yang mengambil alih Main Peteri pula masih menyediakan alatan perjamuan di atas balai.

Setelah selesai lagu bertabuh, Tok Peteri Tua (Polis Man) mengambil tempat di kiri khemah dan memberi laluan kepada Tok Peteri Muda meneruskan upacara seterusnya. Tok Peteri Muda yang baru sahaja selesai menyediakan perjamuan di atas balai menukar pakaian kepada berkain pelikat, dan dua pasang kain lepas untuk membuat 'ikat bekung'. Tok Peteri Muda kemudiannya mengambil tempat mengadap kepada Tok Mindok dan membaca mantera serta memperasapkan semula sepinggan bertih dan semangkuk bedak yang berisi air putih serta bunga-bunga. Setelah itu, Tok Peteri Muda mengambil bertih melemparkannya kepada panjak dan Tok Mindok. Setelah itu, bunyi alat muzik lagu bertabuh diberhentikan.

Kemudian, rebab dibunyikan bagi menandakan pemulan Lagu Bertabik, Tok Peteri Muda membacakan mantera yang tidak jelas difahami oleh penonton yang bertujuan mengajak, menyeru makhluk ghaib untuk menyertai ritual ini serta memanggil makhluk ghaib. Tok Peteri Muda meneruskan bacaan mantera dan menyanyikan lagu gerak angin dengan iringan muzik mengikut intonasi *sedayong pak yong* yang semakin rancak dan nyaring untuk meletakkan Tok Peteri Muda dalam keadaan lupa. Dalam masa yang sama Tok Peteri Muda mula bangun, mengangkat tangan seolah-olah menari, perlahan lahan menggelengkan kepala dan semakin laju, menepuk-nepuk lantai sambil merangkak dan pergerakan ini dilakukan di bawah langit-langit berhadapan dengan Tok Mindok. Setelah lebih kurang lima minit dalam keadaan itu, Tok Peteri berhenti dan bertabik dengan Tok Peteri Tua yang bertindak sebagai Tok Mindok atau *Tok Tabik* dalam bahasa Kelantan di Kelantan. Pada masa ini, Tok Peteri Muda dalam keadan lupa berkomunikasi dengan Tok Mindok. Pelbagai watak dibawa oleh Tok Peteri Muda mengikut jenis makhluk ghaib yang memasuki badannya. Makhluk ghaib bergilir-gilir masuk ke dalam badan Tok Peteri Muda sehingga makhluk yang sebenar yang dapat mengubati

pesakit dijumpai. Tok Mindok dipanggil Tok Ayah oleh Tok Peteri Muda semasa berada dalam wataknnya.



RAJAH 7. Tok Peteri Muda berdiri di bawah langit-langit ketika Lagu Bertabik.
(Pemerhatian penyelidik pada Jumaat 20 April 2018)

Antara watak yang dibawa oleh Tok Peteri Muda yang muncul pada malam ritual tersebut adalah Awang Kasim. Watak ini berkomunikasi dengan Tok Ayah mengenai tujuan ia dipanggil dalam ritual ini. Pada ketika itu, Tok Mindok yang dipanggil Tok Ayah menjelaskan tujuan makhluk Awang Kasim dipanggil ke dalam ritual tersebut. Setiap watak makhluk ghaib yang dibawa melalui Tok Peteri dijelaskan tujuan ia dipanggil dalam ritual ini sehingga makhluk ghaib sebenar yang dapat mengubati pesakit dijumpai. Watak Tok Mindok berubah sesuai dengan watak yang dibawa oleh Tok Peteri Muda. Oleh itu, komunikasi antara watak yang dibawa oleh Tok Peteri Muda dan Tok Mindok berterusan sehingga makhluk sebenar dijumpai. Pada awal lagu bertabik dalam ritual ini, Tok Peteri bertabik dengan *Tok Tabik* (Tok Peteri Tua), dan tugas *Tok Tabik* diambil alih oleh Tok Mindok menjelang pertengahan lagu bertabik.

Upacara memujuk angin merupakan peringkat awal kepada penjelasan personalistik/ghaib yang dikaitkan dengan angin dan semangat yang membawa kepada sakit demam. Dalam upacara ini, para pesakit dipanggil setelah makhluk ghaib sebenar dijumpai oleh Tok Peteri. Mereka kemudiannya perlu duduk menghulurkan kaki mengadap ke arah panjak dan duduk di bawah langit-langit yang dipasang. Makhluk ghaib yang sebenar yang dapat membantu mengubati pesakit dalam ritual ini adalah Tok Wak dan Tok Mindok pada ketika ini dikenali dengan Pak Su Raja Bomoh. Dalam komunikasi ini, Tok Mindok sebagai Pak Su Raja Bomoh menjelaskan tujuan dan tugas yang ingin diberikan kepada watak Tok Wak. Pada ketika ini, suara dan gerak laku watak yang dibawa oleh Tok Peteri adalah seperti orang tua yang sebenar walaupun sebenarnya Tok Peteri Muda adalah seorang pemuda. Apabila Tok Wak mempersetujui untuk membantu merawat pesakit, Tok Mindok memanggil para pesakit untuk masuk ke bawah khemah. Tok Peteri Muda sebagai Tok Wak bersalaman dengan pesakit lelaki satu persatu, bertanyakan nama, dan para pesakit mengambil tempat. Pesakit disusun dalam satu baris dengan melunjurkan kaki di bawah langit-langit dan mengadap kanan khemah dan

panjak. Tok Peteri Muda meletakkan bekas bara yang ditabur serbuk kemenyan di hadapan para pesakit, mereka meraup asap yang dikeluarkan oleh bekas bara. Tok Peteri Muda berada dihadapan Tok Mindok dengan dipisahkan sebiji bantal, kemudiannya muzik dibunyikan dan bekas bertih diangkat ke atas oleh Tok Peteri Muda sambil membaca mantera dengan kedudukan pinggan bekas bertih yang diangkat sehingga paras kepala menggunakan kedua-dua tangan. Berikut merupakan perbualan antara Tok Mindok dan Tok Peteri Muda;

Tok Peteri Muda: *“Ni Pok Su..Raja Bomoh, guano yang panggil wok ni”*
Terjemahan: *““Ini Pok Su.. Raja Bomoh, kenapa yang panggil Wak ini”*

Tok Mindok: *“Ada kijo nak suruh bomo”*
Terjemahan: *“Ada kerja nak minta bomoh “*

Tok Peteri Muda: *“Nak bomo sapo?”*
Terjemahan: *““Hendak bomoh siapa?”*

Tok Mindok: *“Nak gi cari semeta”*
Terjemahan: *““Hendak pergi cari sekejap”*



RAJAH 8. Tok Peteri Muda dan Tok Mindok mengenal pasti punca sakit demam menggunakan bertih
(Pemerhatian penyelidik pada Jumaat 20 April 2018)

Tok Peteri Muda mengambil bertih satu persatu semasa pinggan bertih diangkat dan meletakkan diatas bantal dihadapannya. Tok Peteri Muda kemudiannya menyusun bertih di atas bantal untuk mengenalpasti punca sakit demam pesakit dengan gabungan unsur air, tanah, angin, dan api. Alunan muzik diberhentikan ketika proses mendiagnosis punca sakit demam ini dilakukan. Dalam ritual penyembuhan ini, Tok Peteri Muda mengenalpasti bahawa sakit adalah gabungan unsur tanah dan air iaitu dikaitkan dengan hantu atau jin sebagai faktor penyebab sakit demam. Kemudiannya, Tok Peteri bangun berdiri dan bunyi rebab dimainkan bagi memulakan rawatan yang diberikan. Bacaan jampi yang bersesuaian dengan angin setiap pesakit semasa ditilik dibacakan oleh Tok Peteri Muda.

Semasa sesi ini, Tok Peteri Muda memegang dan menepuk-nepuk jari kaki dan belakang pesakit. Semakin rancak pergerakan Tok Peteri Muda, semakin nyaring dan rancak lagu yang dimainkan oleh panjak. Bertih juga ditabur kepada pesakit untuk membangkitkan angin pesakit. Semasa mengubati pesakit ini, Tok Peteri Muda berada dalam keadaan lupa (menurun) dengan menggelengkan kepala secara perlahan-lahan dan semakin laju. Gelengan kepala Tok Peteri Muda semakin laju mengikut iringan muzik dan mencapai kemuncak apabila Tok Peteri Muda merebahkan kepalanya di atas bantal di hadapan Tok Mindok dan irama muzik diberhentikan. Dalam keadaan ini, Tok Peteri Muda adalah dalam keadaan tidak sedar dan makhluk ghaib dalam badan Tok Peteri Muda berkomunikasi dengan Tok Mindok untuk mengenal pasti asal usul makhluk ghaib yang mengganggu pesakit. Sewaktu bersoal jawab ini, Tok Mindok merayu untuk makhluk ghaib tidak mengganggu pesakit dan memintanya kembali ke tempat asalnya. Tok Mindok juga berjanji dengan makhluk ghaib untuk meninggalkan pesakit dan berjanji untuk menjamu makhluk ghaib tersebut jika tidak mengganggu pesakit. Sesudah berbicara Tok Peteri lupa semula untuk kembali sedar semula. Upacara menurun ini berterusan dengan diulang beberapa kali bergantung kepada kuasa ghaib yang mengganggu pesakit sama ada keras atau lembut. Tok Peteri terus membaca jampi atau mantera setelah upacara menurun. Dalam bacaan jampi ini, salah seorang pesakit telah memberikan reaksi dengan menunjukkan tingkah laku silat. Hal ini menunjukkan bahawa pesakit ini mempunyai angin silat dan angin dalam dirinya telah berjaya dibangkitkan atau dipujuk oleh Tok Peteri. Pesakit yang sudah "*bangkit angin*" ini merupakan informan yang dipanggil Pak Cik Rashid. Dalam ritual ini, angin silat dan bergusti telah berjaya dipujuk oleh Tok Peteri.

Pak Cik Rashid telah berada dalam keadaan tidak sedar diri apabila angin dalam dirinya telah dibangkitkan. Pak Cik Rashid telah bangun bersilat di tengah-tengah khemah, Tok Peteri yang kembali sedar memanggil salah seorang pengunjung untuk menjadi lawan silat kepada Pak Cik Rashid. Pak Cik Rashid telah bersilat sebanyak dua kali dan bergusti (*gocoh*) sebanyak satu kali. Semasa dibangkit angin (dalam keadaan silat dan bergusti) ini pesakit berada dalam keadaan tidak sedar. Bangkit angin selesai apabila pesakit melepaskan semua angin yang ada dalam dirinya dan berpuas hati. Ritual seterusnya diteruskan dengan mengubati pesakit lain yang masih tidak dibangkit angin atau angin masih tidak berjaya dipujuk. Bacaan jampi dibaca Tok Peteri Muda bagi mengubati dua orang lagi adik beradik lelaki Pak Cik Rashid. Alatan perjamuan yang diletakkan di atas dulang hantaran dengan talam yang berisi ketulan bedak sejuk, kelapa parut, gula melaka, air limau beluru dan sedikit bertih diletakkan di dalam piring berhampiran pesakit. Untuk pusingan kedua, Tok Peteri Tua dan Tok Peteri Muda terlibat dalam rawatan kali ini. Dua orang pesakit ini duduk berlunjur kaki mengadap Tok Mindok dan bunyi rebab dimainkan bagi memulakan rawatan untuk pusingan kedua. Jampi dibaca oleh kedua-dua Tok Peteri mengikut angin pesakit yang ditilik pada awal rawatan. Tok Peteri menepuk-nepuk belakang pesakit sambil meneruskan bacaan jampi. Salah seorang pesakit menunjukkan tanda-tanda anginnya berjaya dibangkitkan apabila tangannya mula mengeletar dan mengeluarkan suara mengaum atau menjerit.



RAJAH 9. Pesakit bertindak seperti harimau apabila angin hala berjaya dipujuk oleh Tok Peteri
(Pemerhatian penyelidik pada Jumaat 20 April 2018)

Berdasarkan rajah di atas dapat dikenalpasti bahawa angin yang ada dalam diri pesakit ini merupakan angin harimau atau angin hala. Tangan pesakit mencengkam, menggeletar, dan bertingkah laku seperti harimau iaitu merangkak. Kedua-dua Tok Peteri terus membacakan jampi diiringi bunyi muzik yang semakin nyaring. Pada masa yang sama, pesakit lelaki yang ketiga pula turut menunjukkan angin yang sama dengan pesakit kedua namun ia tidak menunjukkan ciri-ciri angin hala yang kuat berbanding pesakit kedua. Pesakit kedua yang mempunyai angin hala yang lebih kuat akan merangkak ke arah talam yang disediakan dan mencelup tangannya ke dalam semangkuk air limau beluru dan menyentuh barangan lain yang ada di dalam talam sambil kedua-dua Tok Peteri bermain dengan angin pesakit iaitu meniru tingkah laku harimau yang ada pada pesakit bagi membangkitkan lagi angin pesakit. Tangan pesakit yang mencengkam kemudiannya mencapai pulut kuning dan ayam panggang, menyuapkan ke dalam mulut dan dikunyah. Pesakit juga mencelup tangannya dalam bertih sebelum meminum air putih di dalam bekas plastik mirip harimau meminum air. Bunyi muzik dibunyikan semakin nyaring dan Tok Peteri Muda memainkan peranannya untuk mengeluarkan hala yang ada dalam badan pesakit sekaligus mengembalikan pesakit kepada sedar. Bacaan jampi diteruskan oleh Tok Peteri Muda dan berkomunikasi dengan Tok Mindok untuk mengubati pesakit. Tok Peteri pada ketika ini menari-nari sambil menepuk-nepuk kaki dan belakang pesakit kedua yang telah kembali sedar dan kelihatan lemah. Angin dalam badan pesakit kedua dipujuk buat kali kedua dengan muzik dan jampi penceritaan yang lebih bersifat memujuk dan perlahan untuk hala tidak mengganggu pesakit. Tok Peteri yang berkomunikasi dengan makhluk ghaib dalam badan pesakit berkomunikasi dengan *Tok Tabik* (Tok Peteri Tua) bagi mengeluarkan makhluk ghaib yang ada dalam badan pesakit. *Tok Tabik* memujuk makhluk ghaib itu untuk keluar dengan mengambil perjamuan yang telah disediakan.

Setelah dipujuk angin pesakit kedua buat kali kedua ini, pesakit tidak memberi reaksi dan ini menandakan angin pesakit telah dikeluarkan dan muzik pada ketika ini diberhentikan. Air limau beluru yang berada didalam talam kemudiannya disapu Tok Peteri Muda di kepala, kaki dan lengan pesakit untuk melindungi pesakit daripada gangguan makhluk ghaib hala

tersebut. Tok Peteri Muda mengakhiri rawatan pesakit dengan angin hala ini dengan bacaan mantera meminta makhluk hala tidak mengganggu pesakit dan menunjukkan perjamuan yang dijanjikan semasa rawatan. Bunyi muzik dinyaringkan semasa Tok Peteri Muda menunjukkan balai dan perjamuan, Tok Peteri Muda kemudiannya mengikat daun kelapa yang muda yang ada di empat penjuru balai dan bertih ditabur kepada pesakit. Setelah selesai rawatan ini, Tok Peteri Muda duduk dihadapan pesakit dan muzik diberhentikan. Ritual penyembuhan seterusnya adalah merawat ibu dan adik perempuan Pak Cik Rashid, yang diketuai oleh seorang Mak Yong perempuan untuk membangkitkan angin yang ada dalam badan pesakit-pesakit. Rawatan ini diketuai oleh Mak Yong perempuan bagi memudahkan rawatan diberikan atas keselesaan pesakit perempuan selain angin pesakit wanita adalah biasanya bersifat lembut seperti Mak Yong, menari, dan joget berbanding angin pesakit lelaki yang lebih bersifat ganas dan kasar.

Pada awal rawatan, Mak Yong perempuan menyanyikan lagu Sedayong Pak Yong sebagai memulakan rawatan. Irama muzik yang dimainkan juga adalah mengikut irama lagu Sedayong Pak Yong yang lebih halus dan lembut. Namun, tiada reaksi daripada pesakit yang menunjukkan pesakit mempunyai angin Mak Yong. Oleh itu, kedua-dua Tok Peteri turun membantu Mak Yong dengan membaca jampi penceritaan yang lebih sesuai dengan angin pesakit. Salah seorang pesakit iaitu ibu kepada Pak Cik Rashid tiba-tiba menangis ketika bacaan jampi dan mengangkat sebelah tangan serta berdiri seolah-olah ingin menari. Kedua-dua Tok Peteri dan Mak Yong terus bermain angin dengan pesakit dengan menunjukkan gaya menari sambil membaca jampi penceritaan Mak Yong. Alat muzik serunai dibunyikan bagi memujuk angin Mak Yong pesakit sebelum pesakit duduk. Lagu sedayong pak yong dinyanyikan buat kali kedua namun pesakit tidak menunjukkan angin Mak Yong yang kuat. Disini, angin Mak Yong dalam diri pesakit menunjukkan ciri yang lemah.

Tok Peteri Tua kemudiannya membaca jampi penceritaan lain yang membangkitkan angin lain yang ada dalam pesakit. Lagu kemudiannya dimainkan oleh panjak menggunakan alat muzik dengan irama yang berbeza daripada irama Mak Yong. Pesakit bangun dengan sukarela apabila Mak Yong perempuan mengajak untuk berdiri dan berjoget. Pesakit berjoget sebanyak enam kali bersekali dengan kedua-dua Tok Peteri dan pengunjung yang lain di bawah khemah. Diantara joget-joget ini terdapat juga waktu muzik diberhentikan dan berehat seketika sebelum meneruskan dengan lagu untuk joget yang seterusnya. Joget dihentikan apabila pesakit berpuas hati dengan angin joget yang telah berjaya dipujuk. Pada ketika ini pengunjung dan pesakit yang menari dan pesakit kelihatan keletihan, berpeluh-peluh dan muka kemerah-merahan yang menandakan mereka berpuas hati dan lega.



RAJAH 10. Penonton diajak untuk berjoget bersama pesakit
(Pemerhatian penyelidik pada Jumaat 20 April 2018)

Upacara menurun dan memadah diadakan semasa bacaan mentera oleh Tok Peteri Muda ketika merawat pesakit. Ketika berada dalam keadaan lupa, Tok Mindok yang berkomunikasi dengan makhluk ghaib melalui badan Tok Peteri Muda menyebutkan mengenai jamuan yang disediakan untuk makhluk ghaib agar menjauhi pesakit. Hal ini penting bagi memujuk makhluk ghaib atau saka yang ada dalam keluarga pesakit ini untuk keluar dan tidak mengganggu pesakit lagi. Tok Peteri Muda dalam keadaan tidak sedar berjalan ke balai, menolak-nolak, sambil memegang balai dan menggelengkan kepala perlahan-lahan dan semakin kuat. Selain itu, Tok Peteri Muda juga memegang sangkak dan gantungan untuk melihat perjamuan yang disediakan. Perkara ini penting untuk memastikan makhluk ghaib saka ini berpuas hati dengan perjamuan yang disediakan dan tidak meminta keperluan lain pada masa datang. Tok Peteri Muda memaklumkan kepada makhluk ghaib saka ini bahawa perjamuan ini diletakkan di suatu tempat untuk makhluk ghaib tersebut menjamu.

Seterusnya upacara pelepas diadakan, Tok Peteri Muda yang mengetuai upacara ini akan menyapu tepung gandum di dahi setiap ahli keluarga pesakit sambil membaca mantera untuk perlindungan pesakit daripada diganggu makhluk ghaib, jin dan jembalang dan memohon keramat serta zikir daripada nabi, aulia, wali-wali dan sheikh untuk kesejahteraan pesakit. Setelah selesai bacaan jampi, para pesakit diminta oleh Tok Peteri Muda bagi mengelilingi balai dengan berjalan perlahan-lahan sebanyak empat kali pusingan sambil diiringi bunyian alatan muzik. Kemudiannya pesakit duduk pada kedudukan mengadap panjak sebelum ditanya oleh Tok Peteri sama ada masih tidak berpuas hati dan ingin melepaskan angin yang ada dalam diri setiap pesakit. Jika pesakit tidak berpuas hati, upacara memujuk angin diulang bagi melepaskan angin pesakit sekali lagi. Sekiranya pesakit berpuas hati dan merasa lega, Tok Peteri memulakan upacara seterusnya iaitu menolak balai.

Seterusnya, apabila para pesakit telah berpuas hati dengan angin yang dilepaskan, Tok Peteri Muda meminta pesakit mengadap kearah Tok Mindok dan bacaan jampi penceritaan untuk melepaskan makhluk ghaib ke balai. Alunan irama muzik dibunyikan. Semasa bacaan jampi ini Tok Peteri Muda dalam keadaan tidak sedar membawa watak-watak tertentu di mana

mahluk ghaib masuk ke dalam badan Tok Peteri Muda. Tok Peteri Muda menepuk tapak kaki, dan belakang pesakit bagi menghalau kuasa ghaib daripada badan pesakit. Tok Mindok berkomunikasi dengan Tok Peteri Muda yang telah dimasuki mahluk halus dan Tok Peteri Muda yang tidak sedar ini meminta melihat perjamuan yang dijanjikan.

Antara watak yang dibawa oleh Tok Peteri Muda pada ketika itu adalah Mak Daa (Mak Do) iaitu seorang perempuan tua dan Wak. Tok Mindok memujuk dan meminta Mak Do dan Wak ini melihat balai yang disediakan. Watak-watak ini dipanggil untuk menolak sakit dan memujuk mahluk ghaib untuk meninggalkan pesakit serta menerima perjamuan yang disediakan. Setelah melihat balai, Tok Peteri Muda yang masih tidak sedar berkomunikasi dengan Tok Mindok iaitu bersetuju dan berpuas hati dengan jamuan yang dijanjikan. Satu tali yang panjang diikat kepada gantungan oleh Tok Peteri Muda dan penghujung tali dipegang oleh salah seorang pesakit sebagai melepaskan mahluk ghaib yang menyebabkan sakit demam ke atas balai yang disediakan. Setelah bacaan jampi dibaca oleh Tok Peteri, tali dilepaskan.

Setelah selesai upacara pelepas, para pesakit diminta oleh Tok Peteri Muda untuk duduk melunjurkan kaki di sebelah balai iaitu mengadap kearah Barat untuk upacara tolak balai dan mandi limau. Bacaan jampi perlindungan dibacakan oleh Tok Peteri. Dalam jampi tersebut Tok Peteri Muda memberi salam kepada malaikat-malaikat, aulia-aulia, wali-wali, para sheikh bercampur dengan ayat-ayat Al-Quran, zikir, dan selawat kepada nabi sambil salah seorang pesakit memegang tali panjang yang bersambung pada gantungan. Pada ketika ini tiada bunyian irama muzik. Setelah tamat bacaan jampi, irama muzik dibunyikan dan pesakit diminta untuk memasukkan badan kedalam tali panjang yang diikat membentuk bulat secara bergilir-gilir. Kemudian, para pesakit dimandikan oleh Tok Peteri Muda dengan air limau purut yang dicampur bunga dan daun-daun pokok bunga. Pada ketika ini, balai diangkat oleh penduduk kampung yang sedia membantu untuk diletakkan di tempat yang tersembunyi dan tidak diganggu. Pak Cik Rashid mengetuai rakan-rakannya untuk menunjukkan tempat bagi meletakkan balai, sangkak, dan gantungan di dalam hutan bersebelahan rumahnya. Apabila selesai mandi limau, muzik dibunyikan dan Tok Peteri Muda kemudiannya membaca jampi sebagai berterima kasih kepada mahluk ghaib, aulia, keramat dan syeikh yang membantu ritual penyembuhan dengan berada di hadapan Tok Mindok bagi mengakhiri ritual penyembuhan Main Peteri. Upacara ini dipanggil tutup panggung. Setelah selesai jampi maka muzik diberhentikan dan ritual berakhir. Penduduk kampung yang menghantar balai pula perlu membasuh tangan mereka dengan air limau apabila selesai menghantar balai di hutan bagi melindungi diri mereka daripada gangguan mahluk ghaib dan mengelakkan mahluk ghaib yang dihantar mengikut mereka pulang ke rumah.



RAJAH 11. Pesakit dalam upacara mandi limau
(Pemerhatian penyelidik pada Jumaat 20 April 2018)

KESIMPULAN

Secara kesimpulan berdasarkan penyelidikan ini, amalan perbomohan dalam masyarakat Kelantan masih lagi ada dan terhad di kawasan kampung. Masyarakat Kelantan masih lagi mempercayai perubatan tradisional yang dilaksanakan oleh dukun. Namun, dalam konteks ritual penyembuhan Main Peteri pada masa kini, ritual penyembuhan ini berada dalam keadaan *anakronisma*. Terma ini bermaksud Main Peteri sebagai perubatan tradisional terperangkap dalam zaman moden yang mengamalkan perubatan moden. Hal ini berlaku kerana masih ada masyarakat yang mengamalkan ritual penyembuhan tradisional walaupun pada masa kini rawatan moden mudah diperoleh sama ada di kampung atau pedalaman. Perkara ini dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat apabila sakit demam berpunca daripada amalan orang lama maka kaedah mengubat adalah mengikut kaedah orang lama. Justeru, ritual penyembuhan Main Peteri akan terus kekal sebagai ritual penyembuhan tradisional masyarakat Kelantan yang mempunyai keunikan, makna, dan nilai tersendiri kepada masyarakat Kelantan untuk menjelaskan sakit demam kerana faktor personalistik atau ghaib.

Kajian ini dijalankan dalam jangka masa yang terhad dan hal ini menjadikan pemilihan lokasi dan informan adalah dalam jangka masa yang terhad. Oleh hal itu, penyelidik mencadangkan penyelidikan yang lebih menyeluruh dan komprehensif mengenai Main Peteri perlu dilakukan untuk penyelidikan akan datang. Penyelidikan ini terhad kepada satu lokasi Main Peteri dengan satu kumpulan Main Peteri sahaja. Oleh hal demikian, dicadangkan agar kajian akan datang akan melihat Main Peteri di lokasi yang berbeza dengan kumpulan Main Peteri yang berbeza agar perbezaan dan kesamaan dalam Main Peteri dapat dijelaskan dengan lebih mendalam untuk setiap lokasi. Selain itu, penyelidik juga mencadangkan agar mengkaji sejauh mana peranan alunan muzik dalam ritual penyembuhan Main Peteri membantu rawatan yang diberikan serta kajian perbandingan mengenai sejauh mana ritual penyembuhan ini efektif

dalam mengubati sakit demam juga perlu agar ritual penyembuhan Main Peteri dilihat sebagai terapi perubatan masyarakat yang diterima oleh masyarakat secara luas.

RUJUKAN

- Awang, H. 1990. *Pengantar Antropologi Perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bauman, R., & Rappaport, R. A. 1992. Ritual. In *Folklore, Cultural Performances, And Popular Entertainments: A Communications-Centered Handbook*. Essay, Oxford University Press.
- Daud, Z. b. 1982. Main Peteri: Satu Cara Perubatan Tradisi. Dalam J. M. Kelantan. *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kota Bharu: United Selangor Press Sdn.Bhd. (Hal. 102-117).
- Daud, H. 2010. Oral traditions in Malaysia A discussion of shamanism. *Wacana (Jurnal Ilmu Pengetahuan Budaya)* 12(1), 181–200.
- Foster, G. M. 1976. Disease Etiologies in Non-Western Medical Systems. *American Anthropologist*, 78(4), 773-782.
- Hardwick, P. A. 2009. Stories of The Wind: The role of Mak Yong in shamanistic healing in Patricia Ann Hardwick. Degree in the Department of Folklore and Ethnomusicology, (October).
- Ishak, S., & Nassuruddin, M. G. 2014. Traditional Malay Healing Practices: Expressions of Cultural and Local Knowledge. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 140, 291–294. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.422>
- Laderman, C. 1991. *Taming the Wind of Desire: Psychology, Medecine, and Aesthetics in Malay Shamanistic Performance*. California: University of California Press.
- Mohamad, Z. 2012. Report: The Mak Yong Spiritual Dance Heritage Conference, Performances, and Workshops. *Asian Theatre Journal*, 29(2), 445–460. <https://doi.org/10.1353/atj.2012.0050>
- Musa, A., & Yunos, Y. 2011. Symptoms of Disease in Main Teri: A Case Study in Kampung Pasir Mas, Kelantan. *Jurnal Melayu*, (1), 233–249.
- Nasuruddin, M. G., & Ishak, S. 2014. Main Puteri Traditional Malay Healing Ceremony. *World Academy of Science, Engineering and Technology International Journal of Humanities and Social Sciences*, 8(2), 461–464.
- Osman, M. T. 1982. *Manual for Collecting Oral Tradition with Special Reference to South East Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd, T. O. 1989. *Malay Folk Beliefs: An Integration of Disparate Elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Murdock, G. P. 1980. *Theories of Illness: A world survey*. Pittsburgh: University of Pittsburgh Pre.
- Salleh, M. R. 1989. The Consultation of Traditional Healers by Malay Patients. *Medical Journal of Malaysia*, 44(1), 3–13.
- Siti, Z. M., Tahir, A., Farah, A. I., Fazlin, S. M. A., Sondi, S., Azman, A. H., Zaleha & W. C. W. 2009. Use of Traditional and Complementary Medicine in Malaysia: a baseline study. *Complementary Therapies in Medicine*, 17(5), 292-299. <https://doi.org/10.1016/j.ctim.2009.04.002>.
- Skeat, W. W. 1965. *Malay Magic: An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsular* (1st ed.). London: Routledge.

Zakaria, F. 2000. Khatijah Awang dan Seri Temenggong: Satu Kajian Kes Terhadap Keusahawanan Seni Farok Zakaria. *International Journal of Creative Futures and Heritage*, 1(1), 71-98.

Biodata Penulis:

Khairul Bariyyah Mustafa merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Sosiologi dan Antropologi), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajian China (Sejarah Sosial) di Universiti Shandong, Republik Rakyat China pada tahun 2021. Bidang penyelidikan beliau ialah Antropologi Perubatan dan Sejarah Sosial di Asia.